

ENDODONTIK

' Rawatan Salur Akar Gigi '

Bagaimana menjaga kesihatan pergigian selepas rawatan ?

Amalkan penjagaan kesihatan pergigian yang baik seperti biasa.

● Jaga kebersihan mulut:

- Berus gigi setiap hari terutamanya selepas makan dan sebelum tidur.
- Gunakan ubat gigi berfluorida.
- Gunakan flos gigi untuk membuang sisa makanan dan plak di celah-celah gigi.



- Kurangkan kekerapan pengambilan makanan yang tinggi kandungan gula. Makan lebih buah-buahan dan sayuran.
- Dapatkan pemeriksaan di klinik pergigian sekurang-kurangnya sekali setahun.



Endodontik ialah rawatan salur akar untuk kerosakan gigi yang melibatkan pulpa. Rawatan ini boleh menyelamatkan gigi tersebut daripada dicabut serta boleh terus berfungsi di dalam mulut.



Salur akar gigi insisor sedang dibersihkan

Kenapa rawatan endodontik perlu dilakukan?

Gigi yang telah mati biasanya akan berubah warna, mudah patah dan boleh mengakibatkan infeksi, di mana kebengkakan dan nanah boleh terjadi. Anda akan rasa sakit dan tidak selesa. Tanpa rawatan endodontik, gigi tersebut mungkin akan dicabut dan anda akan kehilangan gigi.

Bagaimana rawatan ini dilakukan?

- Rawatan ini biasanya memerlukan dua atau lebih temu janji.
- X-ray gigi akan diambil.
- Salur akar gigi akan dibersihkan terlebih dahulu menggunakan peralatan dan ubatan sebelum ianya dipengap dengan bahan tampalan.
- Rawatan ini biasanya tidak menyakitkan. Bius setempat digunakan jika perlu.



x-ray menunjukkan tampilan pada akar gigi insisor

Rawatan susulan biasanya diperlukan apabila berlaku perubahan warna pada gigi atau untuk melindungi struktur asal korona gigi yang telah rosak.

Adakah gigi akan berubah warna selepas menjalani rawatan endodontik?

Perubahan warna pada gigi yang mati sering berlaku sama ada sebelum atau selepas rawatan endodontik. Gigi yang telah mati mempunyai warna yang lebih gelap jika dibandingkan dengan gigi

Bagaimana untuk mendapatkan warna gigi yang asal?

Anda mungkin memerlukan:

- Rawatan pemutihan gigi (whitening) jika perbezaan warna gigi tidak terlalu ketara, atau
- Rawatan korona atau veneer.



Gigi Insisor yang telah siap dirawat

Di manakah rawatan ini boleh diperolehi?

Rawatan boleh didapati di klinik pergigian pakar atau klinik pergigian swasta yang menyediakan perkhidmatan ini.

Dapatkan nasihat, pemeriksaan dan maklumat lanjut mengenai rawatan endodontik di klinik pergigian.



Salur akar gigi insisor yang telah dibersihkan